


319 orang Pegawai Cemerlang Dihargai dalam MAT2023

Oleh: Sayed Mohd Tamimuddin bin Sayed Ibrahim

Majlis Anugerah Tahunan 2023 (MAT2023) yang dilaksanakan saban tahun adalah untuk merai dan mengiktiraf sumbangan dan jasa bakti warga yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam perkhidmatan mereka. Penganjuran MAT pada tahun ini merupakan kali ke-13 sejak ia diperkenalkan. MAT2023 yang telah diadakan pada 29 Ogos 2023 telah mengetengahkan tema "Memahat Tradisi Kecemerlangan, Menjunjung Kegemilangan". Pembangunan bakat yang mantap dapat memacu kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan ini akan menyumbang kepada reputasi dan keterlihatan UMT.



Dalam majlis pada kali ini, UMT telah memberi pengiktirafan kepada seramai 319 orang pegawai daripada pelbagai peringkat jawatan dan kategori anugerah seperti berikut:

138 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

8 Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC)

24 Anugerah Julangan Bakat (AJB)

14 Anugerah Khas Naib Canselor (AKNC)

116 Hadiah Setia Bakti (HSB)

19 Pesara